



SIARAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

15 MAC 2019

PERMULAAN FASA PERALIHAN MONSUN

Fasa peralihan monsun dijangka bermula pada 19 Mac 2019 dan berterusan sehingga pertengahan Mei 2019. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut yang telah bermula sejak 27 Oktober 2018. Dalam tempoh ini, kawasan serantau negara menerima tiupan angin dari pelbagai hala dengan kelajuan yang lemah iaitu sesuai untuk pembentukan awan ribut petir.

Semasa fasa peralihan monsun, keadaan cuaca yang lazim berlaku adalah ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam jangka masa yang singkat terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan negeri-negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah serta kawasan barat dan tengah Sarawak. Keadaan cuaca ini berpotensi menyebabkan banjir kilat serta kerosakan struktur yang tidak kukuh.

Orang ramai dinasihatkan untuk lebih berwaspada ketika tempoh ini serta sentiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia melalui laman web, aplikasi myCuaca dan media sosial.

Sumber:

Ketua Pengarah

Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD)

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim
(MESTECC)

15 Mac 2019



www.met.gov.my



[myCuaca](#)



[metmalaysia](#)



rakanmet.met.gov.my



mygempa.met.gov.my



[@malaysiamet](#)



[@malaysianmet](#)



1-300-22-1638